

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 11 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil.7**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. 19-100363  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang bagi mengkaji dan mengharamkan badan-badan pergerakan bebas yang bermotifkan penyelewengan Islam yang menyokong perbuatan kontroversi Dr. Amina Wadud yang mengimamkan sembahyang di mana jemaah lelaki dan perempuan bercampur.
  
2. 53-100199  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-
  - (a) apakah Kerajaan sedar akan perbezaan di antara pekerja ladang (estate) dan setinggan haram di mana penempatan mereka ke rumah kos rendah ini digolongkan dalam kumpulan yang sama; dan
  - (b) apakah Kerajaan akan meneliti dan mengasingkan pekerja ladang dan setinggan dalam memberi bantuan kewangan serta rumah murah kos rendah mengikut kedudukan dan sumbangan mereka kepada pembangunan.
  
3. 17-100412  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah perubahan strategi, kandungan dan prestasi perkhidmatan dalam penjenamaan semula Radio RTM dan apakah maklum balas setakat kini atas penjenamaan RTM.
  
4. 61-100471  
**Datuk Jins Shamsudin** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan penerbit filem tempatan menghadapi masalah untuk menayangkan filem nasional kerana ketiadaan pawagam. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi menyelesaikan masalah ini dan tidakkah agensi Kerajaan seperti UDA dapat membina pawagam (Cineplex) di seluruh negara bagi memajukan industri perfileman tempatan.

5. 45-100304  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan
  - (a) kawalan-kawalan yang telah dibuat oleh Kerajaan terhadap bank-bank yang mengeluarkan kad kredit terutama terhadap kerahsiaan maklumat pelanggan; dan
  - (b) jumlah aduan yang dibuat oleh pelanggan kad kredit terhadap pembocoran maklumat peribadi oleh bank-bank kepada pihak ketiga.
6. 54-100046  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada terdapat perjanjian khas dan bagaimanakah penyusunan pembayaran balik di antara PTPTN dan KWSP ke atas pinjaman sebanyak RM 2 bilion.
7. 49-100570  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai statistik terperinci dan terkini mengenai kadar kemiskinan di negara ini.
8. 21-100233  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan menghantar lebih ramai doktor pakar ke hospital-hospital Sabah dan Sarawak sebelum melaksanakan polisi baru Insurans Kesihatan Negara.
9. 56-100097  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa kos kereta keluaran tempatan lebih tinggi dari sesetengah modal yang diimport.
10. 38-100377  
**Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah pemenang pingat Olimpik yang layak menerima imbuhan tetap bulanan seumur hidup.
11. 60-100414  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
  - (a) sampai bilakah teksi yang terlalu uzur dan ada yang tidak berhawa dingin terutamanya di pekan-pekan kecil dibenarkan beroperasi; dan
  - (b) kenapa Kerajaan tidak mewajibkan supaya semua teksi menggunakan hanya kereta Proton Waja, demi menaikkan imej negara.

12. 8-100505  
**Tuan Saravanan a/l Murugan** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan pemandu bas ekspres mematuhi peraturan jalan raya dan sejauh manakah keberkesanan saman RM300 serta merta dan kehadiran polis mampu mengurangkan kadar kemalangan.
13. 62-100137  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan pengusaha-pengusaha yang telah disenarai hitamkan, tidak lagi beroperasi dengan mendaftarkan syarikat baru dan nama pengarah baru sedangkan pemiliknya adalah pengusaha yang sama.
14. 51-100006  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menaikkan taraf Lapangan Terbang Ipoh, ataupun memindahkannya ke satu tapak yang lebih sesuai.
15. 43-100024  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan "Rumah Guru" sama ada di bandar mahupun luar bandar memandangkan masih ramai guru yang berminat untuk menduduki "Rumah Guru" atau Kompleks Guru ini kerana terletak berhampiran dengan sekolah.
16. 50-100513  
**Dato' Hamzah bin Zainudin** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah agenda Malaysia di dalam strategi untuk meningkatkan hubungan dua hala Kuala Lumpur-Canberra termasuklah di dalam perdagangan tanpa batasan sedangkan dasar Howard yang bersekongkol dengan Israel dan Amerika Syarikat adalah bertentangan dengan prinsip ASEAN.
17. 9-100524  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-
- (a) adakah pemantauan dibuat oleh Kementerian ke atas Proton dan USPD di mana terdapat lambakan model-model tertentu kereta yang tidak mendapat sambutan di kalangan pengguna tetapi ianya masih dihasilkan dan beban ini terpaksa ditanggung oleh wakil jualan; dan
  - (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian ke atas mereka bagi memastikan kereta yang mendapat permintaan yang tinggi dapat dipenuhi dalam jangka masa pendek bagi mengelakkan pelanggan mencari model alternatif yang begitu banyak di pasaran dengan harga yang setanding.

18. 47-100330  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan sekolah rendah dan menengah agama bantuan penuh Kerajaan, bilangan sekolah rendah dan menengah agama rakyat dan sekolah rendah dan menengah agama swasta di seluruh negara sejak tahun 2000 serta bilangan pelajar yang menuntut di sekolah-sekolah tersebut.
19. 70-100188  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan teliti yang diperlukan bagi memastikan warga emas tidak terus terpinggir dari mengecapi kemajuan negara kerana warga emas sering kali dikelilingi hutang, kelaparan dan diancam dengan pelbagai penyakit.
20. 65-100061  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha mengatasi masalah pembiayaan rawatan pesakit luar dan dalam di hospital Kerajaan yang terus menerus meningkat.
21. 30-100531  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian telah bersedia untuk menerima kemasukan para pelajar ke IPTA bermula pada bulan Jun dan Julai nanti serta memastikan tiada kes calon yang layak tertinggal daripada senarai mereka yang berjaya.
22. 7-100215  
**Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah makmal komputer yang masih belum siap dibina kerana masalah kontraktor. Mengapakah konsep sekolah BISTARI seperti yang dirancang di peringkat awal tidak diteruskan lagi.
23. 46-100316  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemungkinan Kerajaan meluluskan penubuhan Inter Religious Council memandangkan Kerajaan hanya mencadangkan ianya ditangguh buat sementara waktu dan bukannya dibatalkan.
24. 27-100484  
**Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk menambahkan pusat rawatan seperti Institut Jantung Negara di Zon Utara, Tengah dan Pantai Timur di negara ini memandangkan kadar peningkatan yang semakin membimbangkan di negara ini.

25. 47-100320  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan polisi Kerajaan terhadap pelajar yang telah belajar dan mendapat tempat di luar negara kemudian memohon bantuan biasiswa atau pinjaman daripada pihak Kerajaan dan jika ada, berapakah kes sedemikian yang telah dilayan oleh JPA sehingga kini.
26. 18-100490  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap laman web Malaysiakini.com yang telah menonjolkan sikap kurang ajar dengan mengeluarkan satu berita pada 1 April lalu yang memfitnah YAB. Perdana Menteri dan pembangkang kerana ianya adalah perkara serius yang dilakukan media elektronik yang boleh mempengaruhi rakyat dan orang asing serta berniat jahat untuk mencetuskan huru hara melalui hasutan.
27. 42-100076  
**Tuan Tan Cheng Tee** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapa penjadualan semula tidak dilakukan terhadap peminjam PTPTN yang tidak mampu membayar jumlah ansuran yang ditetapkan oleh PTPTN. Adakah jumlah bayaran bulanan boleh dikurangkan dan tempoh pembayaran dipanjangkan kerana ini dapat membantu mereka yang tidak mendapat kerja yang setimpal dengan kelulusan melakukan pembayaran.
28. 69-100333  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengawasi agensi-agensi di bawahnya dan adakah Kementerian mempunyai wakil agensi-agensi tersebut.
29. 38-100378  
**Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan nilai kerugian petani-petani akibat kemarau berpanjangan pada awal tahun ini.
30. 66-100239  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan tertentu untuk mempromosikan Bintulu, bandar pengeluar gas dan minyak yang terbesar di rantau ini di bidang pelancongan. Apakah usaha lain untuk mempertingkatkan status industri pelancongan di Bintulu.

31. 71-100553  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kerajaan di dalam pembangunan kawasan luar bandar bagi memastikan pembangunannya sejajar dengan keperluan rakyat setempat, demi mengelakkan berlakunya pembaziran di dalam projek pembangunan dengan pembinaan yang tidak membawa apa-apa erti kepada rakyat dan penduduk di sesuatu kawasan itu.
32. 41-100266  
**Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan minyak diesel di negara ini yang telah menyusahkan pengguna.
33. 39-100461  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah serta tindakan yang akan diambil dalam mengawal kes denggi di Lembah Klang dan adakah pemantauan oleh pegawai kesihatan ke setiap kawasan perumahan masih dilaksanakan bagi memantau kes tersebut.
34. 9-100500  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan keseimbangan antara pekerja-pekerja tempatan dan asing di sektor-sektor yang mendapat upah yang lumayan dengan memberi kemahiran kepada pekeja-pekerja tempatan untuk mengelak pergantungan sepenuhnya dengan pekerja asing dan adakah langkah-langkah proaktif yang diambil untuk membangun komuniti buruh binaan tempatan bagi mengurangkan pergantungan kepada buruh asing.
35. 23-100169  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) bilangan pesakit-pesakit buah pinggang dalam negara ini dan jumlah pesakit yang mendapat rawatan di hospital-hospital Kerajaan dan pusat rawatan hemodialysis swasta sejak tahun 2000 hingga kini; dan
  - (b) jumlah kematian yang disebabkan penyakit ini dan langkah-langkah pencegahan yang berkesan untuk mengurangkannya dalam jangka masa terdekat.

36. 40-100041  
**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi memastikan sempadan negara tidak mudah dibolosi dengan sewenang-wenangnya oleh PATI.
37. 57-100161  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah bilangan pelajar Kolej Komuniti dan yang telah berjaya mengikut kursus-kursus yang ditawarkan di kolej tersebut dan sejauh manakah pelajar yang telah mengikuti kursus di Kolej Komuniti berjaya mendapat pekerjaan.
38. 70-100207  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa ramaikah golongan belia menerima bantuan dan peruntukan yang disalurkan di bawah Program Rakan Tani dan Belia Tani.
39. 20-100117  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) apakah peranan dan fungsi Majlis Penasihat Pembangunan Orang Asli Malaysia dalam memfokuskan peranannya untuk menangani isu ekonomi, kemiskinan, keciciran pendidikan, sosial, keusahawanan, kemudahan infrastruktur dan hak pemilikan tanah; dan
  - (b) adakah rangka pelan pembangunan dan tindakan serta kos yang terlibat telah dirancang untuk dilaksanakan dalam RMK-9.
40. 45-100292  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan kos dan peningkatan jumlah pelajar jika Kerajaan mengalih penajaan pelajar dari Eropah ke Amerika Syarikat.
41. 58-100135  
**Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah graduan menganggur di negara ini dan nyatakan apakah tindakan positif dalam rencana untuk menempatkan mereka sebagai tenaga pekerja dengan memberikan perhatian ke atas kelulusan dan bidang yang ada pada mereka dan berapa ramaikah pula yang telah menganggur dalam tempoh 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun ke atas.

42. 20-100098  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk pembangunan dan jumlah peruntukan yang telah disediakan dan dilaksanakan untuk membantu mangsa banjir/bah besar yang melanda perkampungan Orang Asli RPS Pasik, Gua Musang yang berlaku pada 10 Disember, 2004 hingga mengakibatkan kemusnahan sebahagian kediaman, jambatan, pertanian dan ternakan di mana kerugian yang ditafsirkan melebihi RM3 juta.
43. 67-100104  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
- (a) apakah bidang kuasa Lembaga Lebuh raya (LLM) di dalam pelaksanaan tugas-tugas penyelenggaraan dan pembaik pulihan lebuh raya dan jalan-jalan utama persekutuan; dan
  - (b) apakah masalah utama yang dihadapi LLM di dalam memastikan tahap keselamatan lebuh raya dan jalan-jalan persekutuan sentiasa terjamin.
44. 57-100160  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada masalah penyeludupan diesel masih berleluasa di negara ini dan apakah langkah-langkah penyeludupan diesel masih berleluasa di negara ini dan apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil bagi memastikan bekalan diesel di seluruh negara tidak terputus atas apa jua sebab memandangkan kewujudan banyak rungutan baru-baru ini.
45. 14-100436  
**Tuan Krishnan a/l Maniam** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tidak lama dahulu, Kerajaan bercadang untuk menaik tarafkan kawasan Masjid India dan Lebu Ampang seperti mana yang dibuat di Petaling Street. Apakah usaha naik taraf yang telah diambil setakat ini.
46. 60-100381  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah pembedahan yang akan diambil oleh Kerajaan memandangkan tambatan ringgit kepada dolar Amerika Syarikat menyebabkan Bank Negara menambahkan rezab negara kepada USD 48 billion pada Februari 2004 sehingga mencecah USD 72 billion pada hari ini.

47. 37-100542  
**Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar asing yang telah sedang menuntut di institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dari tahun 1996 hingga akhir 2004. Apakah angka-angka ini menunjukkan IPTS negara kita semakin kehilangan daya tarikannya.
48. 4-100545  
**Datin Paduka Jaya Partiban** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang untuk mengadakan projek untuk membantu dan melatih golongan miskin di luar bandar dan sama ada ia juga meliputi mereka yang tinggal di kawasan perladangan dan setinggan. Jika benar, berapa banyakkah telah dibelanjakan untuk kawasan tersebut agar mereka juga dapat menikmati faedah daripada projek tersebut.
49. 49-100574  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk membantu para nelayan terutama di Kuala Kedah dan Kuala Muda setelah bot-bot serta peralatan menangkap ikan mereka musnah akibat bencana ombak Tsunami yang berlaku baru-baru ini.
50. 27-100477  
**Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah anggota-anggota tentera kita bebas dari gejala dadah. Apakah langkah-langkah yang diambil agar mereka bebas dari dadah dan lain-lain jenayah yang boleh mencemarkan nama baik bidang ketenteraan yang dibanggakan sebagai pengawal keamanan negara.
51. 67-100120  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah pelan tindakan dan strategi Kerajaan untuk meleraikan masalah karenah birokrasi yang telah menyebabkan program pembangunan usahawan kecil dan sederhana (IKS) di kalangan kaum Bumiputera gagal mencapai matlamat yang diharapkan.
52. 72-100595  
**Dato' Kamarudin bin Ambok** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan daripada pemantauan Kementerian apakah masalah utama yang dihadapi di dalam proses pembaharuan kad pengenalan kepada MyKad, kerana didapati masih ramai warga kota yang masih belum menunaikan tanggungjawab untuk membuat pertukaran. Apakah Kementerian bercadang mengadakan roadshow mengikut kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Hamzah bin Zainudin dan masalah dicadangkan:-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

### Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 10 Mei 2005 ]

2	(D.R. 1/2005)	Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
3	(D.R. 5/2005)	Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005	“
4	(D.R. 3/2005)	Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005	“
5	(D.R. 28/2004)	Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004	“
6	(D.R. 7/2005)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005	“
7	(D.R. 6/2005)	Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005	“
8	(D.R. 2/2005)	Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005	“

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2004</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.157	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	11 Mei 2005
<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2005</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	11 Mei 2005
ST.11	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR) Tahun 2002 (Telah Diaudit).	11 Mei 2005
ST.12	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah KEJORA Tahun 2002 (Telah Diaudit).	11 Mei 2005
ST.13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia (LKM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	11 Mei 2005
DN.1	Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara Menurut Peraturan Mesyuarat 70(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara Untuk Dibentangkan Di Atas Meja Mesyuarat .Dikemukakan Oleh YB Tan Sri Dato' Seri Dr Abdul Hamid bin Pawanteh – Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara (Pengerusi).	11 Mei 2005